

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Khairy (tengah) ketika hadir pada Program Khidmat Komuniti Anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia di Senawang, semalam.
(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

KKM rayu ibu bapa segera vaksin anak

Kadar kemasukan kanak-kanak ke Unit Rawatan Rapi Pediatrik meningkat

Oleh Mohd Amin Jali
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kementerian Kesihatan (KKM) merayu ibu bapa atau penjaga agar segera mendapatkan vaksinasi untuk anak masing-masing, susulan kadar kemasukan golongan itu ke Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) akibat COVID-19 meningkat sejak Februari lalu.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata secara purata setakat ini kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di seluruh negara yang sudah divaksin sedar 32 peratus, manakala di Negeri Sembilan mencapai 35 peratus.

Katanya, pihaknya bimbang dengan peratusan yang rendah itu ketika kes COVID-19 memabihkan kanak-kanak terus meningkat.

"Yang merisaukan saya adalah peratusan kanak-kanak yang masuk di ICU. Sebab itu, saya merayu ibu bapa gunakan tempoh cuti sekolah seminggu lagi segera dapatkan vaksin kerana setakat ini hanya 32 peratus sahaja kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun yang menerima vaksin di seluruh negara.

"Ya, vaksin ini tidak dapat mencegah sangat jangkitan, tetapi penting untuk melindungi anak kita atau diri kita daripada kesan gejala buruk seperti masuk ke hospital, sesak nafas sehingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan atau meninggal dunia.

"Jadi, saya berharap kita dapat mencapai 50 peratus (kadar vaksinasi kanak-kanak) sebelum sekolah bermula, biar pun agak sukar sebab keengganan itu masih lagi ada, tetapi dilihat ada sedikit peningkatan dalam kalangan ibu bapa," katanya selepas merasmikan Program Khidmat Komuniti anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) sempena sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 di pekanarangan Pasaraya Mydin Senawang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS), Datuk Dr Harlina Abdul Rashid dan Presiden PPPM, Mustafa Abd Majid.

Sebelum ini, KKM mendedahkan, sejak bulan lalu hingga kini, kadar kemasukan pesakit COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak meningkat sebanyak 94 peratus untuk semua Kategori 3 hingga 5, dengan peningkatan ketara bagi Kategori 4 iaitu sebanyak 200 peratus, diikuti Kategori 5 sebanyak 125 peratus.

Kenyataan itu menyebut kanak-kanak menjadi golongan lebih berisiko mendapat jangkitan COVID-19 memandangkan mereka yang berusia 11 tahun dan ke bawah belum mendapat perlindungan sewajarnya, berbanding

kumpulan umur yang lebih tinggi yang sudah mendapat vaksinasi.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, kes kesan sampingan kanak-kanak yang divaksin sangat kecil berbanding dewasa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Rembau, menegaskan yang kanak-kanak hanya diberikan 1/3 daripada dos untuk orang dewasa.

"Anak saya, anak kenalan saya yang ambil vaksinasi tidak mengalami apa-apa kesan sampingan yang serius, mungkin terasa sakit sedikit di lengan sahaja," katanya.

Mengenai kemungkinan varian baharu COVID-19, dikenali sebagai 'Deltacron' mula menular di beberapa bahagian Eropah, beliau berkata, pihaknya sentiasa memantau dan membuat kajian melalui Institut Penyelidikan Malaysia serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Menurut beliau, langkah sepatutnya akan diambil sekiranya dapat mengesan varian baharu yang lebih menganas.

"Sebab itu saya nyatakan peralihan kita ke peringkat endemik ini sekiranya tiada varian baharu yang muncul, tetapi sekiranya ada dan lebih menganas, maka mungkin sekatan akan kembali.

"Tapi setakat ini, belum lagi ada apa-apa maklumat yang menunjukkan varian baharu ini berleluasa dan mempunyai risiko yang tinggi kepada kesihatan kita. Kita (KKM) sentiasa pantau," katanya.

Tingkat kempen, meriahkan PPV

Kuala Lumpur: Kerajaan disyor menggiatkan kempen meningkatkan kesedaran ibu bapa serta memeriahkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) kanak-kanak di seluruh negara bagi menggalakkan lebih ramai individu usia lima hingga 11 tahun mendapatkan pelatikan melindungi diri daripada jangkitan COVID-19 itu.

Bagi Erdie Ab Wahid, 36, dia mengakui kerajaan telah melakukan usaha sebaik mungkin sejak bermula Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids) pada 3 Februari lalu dan ia dilihat memberi kesedaran kepadanya mendapatkan vaksin untuk anak sulung berusia 11 tahun.

Katanya yang bekerja sendiri, kesedaran ibu bapa penting bagi mengelakkan lebih ramai kanak-kanak terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) akibat COVID-19 dengan kadar kemasukan juga dilaporkan meningkat sejak Februari lalu.

"Saya memahami pengambilan vaksin kanak-kanak tidak boleh secara paksaan. Apa yang penting ketika ini adalah kesedaran ibu bapa sendiri mendapatkan maklumat sahih mengenai kepentingan vaksin untuk kanak-kanak bagi mengurangkan kadar jangkitan sehingga dimasukkan ke PICU," katanya.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan,

sejak Februari hingga kini, kadar kemasukan pesakit kanak-kanak meningkat sebanyak 94 peratus untuk semua kategori 3 hingga 5, dengan peningkatan ketara bagi kategori 4, iaitu sebanyak 200 peratus, diikuti kategori 5 sebanyak 125 peratus.

Menurut KKM, kanak-kanak menjadi golongan yang lebih berisiko mendapat jangkitan COVID-19 memandangkan mereka yang berusia 11 tahun dan ke bawah belum mendapat perlindungan sewajarnya berbanding kumpulan umur yang lebih tinggi yang sudah mendapat vaksinasi.

Kakitangan swasta, Fairuz Karmila Ahmad, 34, berkata kerajaan mungkin boleh menggiatkan program pelatikan secara bergerak di kawasan luar bandar dan pedalaman, menggunakan unsur-unsur menarik bersama pakar perubatan yang boleh mendidik ibu bapa agar mendapatkan vaksin untuk anak masing-masing.

"Melalui kerjasama ketua kampung, kemungkinan usaha ini dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa mendapatkan vaksin untuk anak-anak selain mengurangkan kadar jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak. PPV bergerak juga boleh dilaksanakan di bandar walaupun kita mempunyai PPV di kompleks beli-belah atau pusat kesihatan," katanya.

26,250 jangkitan baharu

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan 26,250 kes positif baharu COVID-19 setakat tengah malam kelmarin, menjadikan keseluruhan 3,801,036 kes setakat ini sejak ia mula dikesan pada 25 Januari 2020.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata 25,089 kes sembah turut dilaporkan kelmarin, menjadikan 3,443,532 kes kumulatif sudah pulih daripada jangkitan atau 90.6 peratus daripada keseluruhan kes dilaporkan setakat ini.

Beliau berkata, sebanyak 25,705 kes adalah penularan tempatan dengan 24,878 warganegara (96.8 peratus) dan 827 bukan warganegara (3.2 peratus) manakala 545 kes import memabihkan 509 rakyat Malaysia dan 36 warga asing.

Katanya, sebanyak 387 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 169 kes disahkan COVID-19 dan 198

kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan; dan 211 kes memerlukan bantuan pernafasan iaitu 100 kes disahkan COVID-19 dan 111 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan.

"Daripada 26,250 kes harian yang dilaporkan semalam, sebanyak 8,652 kes (32.96 peratus) dalam Kategori 1; Kategori 2 mencatat 17,421 kes (66.37 peratus); Kategori 3 (70 kes atau 0.26 peratus); Kategori 4 (60 kes atau 0.23 peratus); dan 47 kes atau 0.18 peratus Kategori 5.

"Daripada 177 kes COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada semalam, sebanyak 43 kes (24.29 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi; 91 kes (51.41 peratus) sudah menerima dua dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak; dan 43 kes (24.29 peratus) sudah menerima dos penggalak," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya

Jangkitan Covid-19 dalam kalangan warga emas di negara ini mencatatkan hampir 10 peratus daripada 3,711,199 kes positif yang direkodkan dari 19 Mac 2020 hingga 9 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 367,522 kes atau 9.9 peratus daripada keseluruhan kes membabitkan kumpulan berkenaan.

Menurutnya, sebanyak 19,250 (57.4 peratus) kematian akibat Covid-19 yang dilaporkan adalah dalam kalangan warga emas.

"Berbanding dengan kumpulan usia yang lebih muda iaitu kurang 60 tahun, jumlah dan kadar kematian dalam kalangan warga emas berusia 60 tahun serta ke atas adalah lebih tinggi," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, warga emas adalah golongan yang paling terkesan dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Covid-19 dengan komplikasi teruk akibat jangkitan itu.

Beliau berkata, ia berikutan daya tahan tubuh yang rendah, penyakit kronik dihadapi oleh warga emas dan proses penyembuhan serta pemulihan daripada jangkitan Covid-19 juga lebih perlahan dan rumit.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, warga emas yang berada di pusat jagaan juga terdedah dengan risiko jangkitan Covid-19 yang berkemungkinan menjadi tidak terkawal jika penghuni dan penjaga tidak mengikut prosedur operasi

JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN WARGA EMAS

9.9% daripada kes positif



SEORANG kanak-kanak menerima vaksin melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Putrajaya. Gambar NSTP/MOHID FADLI HAMZAH



la berikutan daya tahan tubuh yang rendah, penyakit kronik dihadapi oleh warga emas dan proses penyembuhan serta pemulihan daripada jangkitan Covid-19 juga lebih perlahan dan rumit"

Dr Noor Hisham Abdullah

standard (SOP).

Katanya, mereka yang berada di pusat jagaan lebih berisiko tinggi mendapat jangkitan dan kematian akibat Covid-19 berbanding warga emas dalam komuniti.

"Penularan jangkitan Covid-19 dalam pusat jagaan warga emas lebih mudah dan cepat kerana jumlah penghuni ramai mengakibatkan kesukaran amalan penjarakan fizikal," katanya.

Tambahnya, data antarabangsa pada 2020 melaporkan 47 peratus kematian adalah dalam kalangan warga emas yang tinggal di institusi berkediaman.

Katanya, KKM merekodkan sebanyak 154 (39.6 peratus) kluster Covid-19 di pusat jagaan warga emas antara 25 Januari 2020 sehingga 3 Mac lalu.

"Kluster itu adalah penyumbang tertinggi berbanding kluster-kluster kumpulan berisiko lain seperti kluster di pusat jagaan kanak-kanak dan pusat dialisis," katanya.

Angka kematian naik 33%

Putrajaya: Malaysia merekodkan sebanyak 77 lagi kes kematian akibat Covid-19 kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan mangsa yang maut akibat wabak itu mencecah 33,720 kes.

Data laman sesawang CovidNow menunjukkan 23 daripadanya adalah membabitkan kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), menjadikan jumlah kematian kategori itu kini sebanyak 7,018.

Pulau Pinang mencatatkan bilangan kes tertinggi dengan 12 kematian akibat Covid-19 termasuk tiga kes BID. Ia disusuli Kelantan dan Selangor dengan masing-masing sebanyak 11 kematian.

Sebanyak 10 daripada ke-

matian akibat Covid-19 di Kelantan adalah kes BID manakala tiga kes kategori berkenaan dilaporkan di Selangor.

Kedah melaporkan sembilan kematian akibat Covid-19; lapan kematian di Johor; Perak (tujuh dengan dua kes BID); empat kematian masing-masing dilaporkan di Perlis dan Terengganu (termasuk satu kes BID); masing-masing tiga kematian di Negeri Sembilan (dengan satu kes BID) dan Kuala Lumpur (termasuk satu kes BID); dua kes kematian di Sabah, kedua-dua kes BID dan masing-masing satu kematian di Melaka, Pahang dan Sarawak.

Secara keseluruhannya,

Malaysia menunjukkan trend peningkatan kes kematian akibat Covid-19 iaitu sebanyak 33 peratus dalam tempoh 14 hari lalu.

Hampir kesemua negeri mencatatkan peningkatan kecuali Sabah yang mencatatkan penurunan sebanyak 24 peratus dalam tempoh dua minggu manakala Labuan pada kadar sifar.

Tiga negeri dan Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan lebih 100 peratus bagi kes kematian akibat Covid-19, dengan Putrajaya mencatatkan peningkatan sebanyak 400 peratus.

Ia disusuli Perlis pada kadar 300 peratus dan Negeri Sembilan dengan pertambahan sebanyak 138 peratus.

15,259,493 terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Seramai 15,259,493 individu dewasa atau 64.9 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 22,934,341 atau 97.5 peratus daripada populasi sama sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,210,853 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sebanyak 1,144,379 individu atau 32.2 peratus kumpulan itu sudah menerima dos pertama vaksin

Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sebanyak 2,836,325 individu atau 91.2 peratus daripada populasi itu telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,936,489 atau 94.4 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 46,688 dos vaksin diberikan membabitkan 25,471 dos pertama, 1,047 dos kedua dan 20,170 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imu-

nisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) adalah sebanyak 68,113,082.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, sebanyak 77 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Pulau Pinang tertinggi iaitu 12 kes, diikuti Selangor dan Kelantan masing-masing dengan 11 kes.

Kedah pula merekodkan sembilan kes, Johor (lapan), Perak (tujuh), Perlis dan Terengganu masing-masing dengan empat kes, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur masing-masing dengan tiga kes, Sabah (dua) serta Sarawak, Pahang dan Melaka masing-masing dengan satu kes.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

Hanya 32% kanak-kanak sudah divaksin

Seremban: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merayu supaya ibu bapa mendapatkan segera vaksinasi untuk kanak-kanak susulan kadar kemasukan golongan itu ke Unit Rawatan Rapi Pediatrik (Picu) akibat Covid-19 meningkat sejak Februari.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, setakat ini kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di seluruh negara yang sudah divaksin hanya 32 peratus manakala di Negeri Sembilan mencapai 35 peratus.

Katanya, pihaknya bimbang peratusan rendah itu ketika kes Covid-19 membabitkan kanak-kanak terus meningkat.

"Yang merisaukan saya adalah peratusan kanak-kanak yang masuk di ICU. Sebab itu, saya merayu ibu bapa gunakan tempoh cuti sekolah seminggu lagi untuk segera dapatkan vaksin kerana setakat ini hanya 32 peratus saja kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun telah menerima vaksin di seluruh negara.

"Ya, vaksin ini tidak dapat mencegah sangat jangkitan, tetapi penting untuk melindungi anak kita atau diri kita daripada

kesan gejala buruk seperti masuk ke hospital, sesak nafas sehingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan atau meninggal dunia.

"Saya berharap kita mencapai 50 peratus (kadar vaksinasi kanak-kanak) sebelum sekolah bermula, biarpun agak sukar sebab keengganan itu masih ada, tetapi ada sedikit peningkatan dalam kalangan ibu bapa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Khidmat Komuniti anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) Sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 di perkarangan Pasaraya Mydin Senawang di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, kes kesan sampingan kanak-kanak yang divaksin sangat kecil dan jauh berbanding dewasa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Rembau, berkata kanak-kanak hanya mengambil satu pertiga dos daripada orang dewasa.

"Anak saya, anak kenalan saya ambil tidak mengalami apa-apa kesan sampingan serius, mungkin terasa sakit sedikit di lengan saja," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Seremban: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merancang menetapkan satu bulan sebagai Bulan Pemeriksaan Kesihatan Malaysia (BPKM) dengan cadangan awal diadakan pada Julai depan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia adalah lanjutan daripada program Skim Peduli Kesihatan untuk Kum-pulan B40 (PeKa B40) ke-menterian itu membabitkan golongan B40 yang sedang berjalan.

Katanya, setakat ini program berkenaan sudah menyaring 561,000 individu di seluruh negara, bagaimanapun mereka yang layak mendapat saringan itu sebenarnya hampir lima juta orang.

"Kita lihat ramai tidak

KKM rancang lancar BPKM selama sebulan

dapat memanfaatkan program disediakan secara percuma kepada penerima bantuan sara hidup kerajaan yang berusia 40 tahun ke atas membabitkan ketua keluarga dan pasangan.

"Mereka boleh daftar di Protect Health Malaysia (PHM) di bawah KKM. Saya risau ramai yang tak buat (pemeriksaan saringan kesihatan).

"Oleh itu, kita merancang untuk menetapkan satu bulan tahun ini dikhususkan untuk melaksanakan program ini. Kita akan gerakan

bukan sahaja aset KKM, tetapi juga pengamal perubatan di bawah Peka B40 untuk turun di lapangan di kampung atau di pedalaman buat saringan kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Khidmat Komuniti anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) Sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 di pekarangan Pasaraya Mydin Senawang di sini, semalam.



KHAIRY (kanan) bersama dengan penolong pegawai perubatan pada Program Khidmat Komuniti sempena Hari Pembantu Perubatan 2022 di ruang legar Pasaraya Mydin Senawang, semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Risiko alami komplikasi teruk jika dijangkiti Covid-19

57 peratus kematian babit warga emas

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sebanyak 367,522 atau 9.9 peratus daripada 3,711,199 kes jangkitan Covid-19 yang dilaporkan di negara ini sejak 19 Mac 2020 hingga 9 Mac lalu adalah membabitkan golongan warga emas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam masa sama, sebanyak 19,250 atau 57.4 peratus kematian yang dilaporkan dalam tempoh tersebut adalah dalam kalangan golongan berkenaan.

Menurut beliau, berbanding mereka berusia kurang 60 tahun, jumlah dan kadar kematian dalam kalangan warga emas berusia 60 tahun dan ke atas adalah lebih tinggi.

"Warga emas merupakan golongan yang paling terkesan dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Covid-19 dengan komplikasi teruk disebabkan jangkitan tersebut.

"Ini adalah kerana daya tahan tubuh yang rendah, penyakit kronik yang dihidapi dan proses penyembuhan serta pemulihan jangkitan Covid-19 yang lebih perlahan dan rumit," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr. Noor Hisham memberitahu, kadar kematian warga emas juga lebih tinggi berbanding kumpulan umur lain.

Sejak 25 Januari 2020 hingga 3 Mac lalu, sebanyak 154 atau 39.6 peratus kluster di pusat jagaan warga emas telah dilaporkan dan



WARGA emas dinasihatkan supaya mengambil suntikan vaksin covid-19 bagi melindungi dan mengelak komplikasi lebih teruk.

menjadi penyumbang tertinggi berbanding kluster kumpulan berisiko lain seperti kluster di pusat jagaan kanak-kanak, pusat dialisis dan sebagainya.

"Warga emas yang berada di pusat jagaan juga terdedah kepada risiko dijangkiti Covid-19 yang mana jangkitan mungkin menjadi tidak terkawal jika penghuni dan penjaga tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) termasuk penjarakan fizikal.

"Golongan ini lebih berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan dan kematian akibat Covid-19 berbanding warga emas dalam

komuniti," katanya.

Setakat 9 Mac lalu, sebanyak 3,355,784 atau 91.9 peratus warga emas telah melengkapkan dos primer vaksin Covid-19, manakala 2,472,576 atau 73.6 peratus pula mengambil dos penggalak setakat Oktober lalu.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Kesihatan menyeru semua warga emas yang berkelayakan, namun belum menerima vaksin sama ada dos primer atau dos penggalak supaya segera mendapatkannya di pusat pemberian vaksin (PPV) yang terdekat secara walk-in.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : PASCA PRN JOHOR

Beri peluang kesihatan awam stabil sebelum PRU diadakan- KJ

SEREMBAN - Keadaan kesihatan awam perlu stabil sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan dalam tempoh terdekat ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, walaupun negara telah masuk ke fasa peralihan endemik tidak bermaksud pandemik sudah tamat, semua pihak masih perlu berhati-hati.

"Sempadan negara dibuka, saf (solat jemaah) boleh dirapatkan, had maksimum kapasiti dimansuhkan tetapi itu

bukan bermaksud kita boleh buat apa sahaja dan kita tahu kalau kita buat PRU ia adalah satu aktiviti melibatkan orang ramai.

"Kita baru selesai di Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, saya lebih suka tunggu sehingga keadaan kesihatan awam kita stabil barulah kita boleh melihat akan PRU," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas selesai Program Khidmat Komuniti sempena sambutan

Hari Pembantu Perubatan di Senawang pada Ahad.

Dalam pada itu Khairy memberitahu Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mencari mekanisme terbaik membolehkan pesakit Covid-19 mengundi dalam pilihan raya.

Beliau berkata, perkara tersebut perlu dibincangkan tanpa menafikan hak pengundi yang telah dijangkiti selain tidak memudaratkan individu lain.

"Ya, memang hak mereka untuk mengundi tetapi satu lagi ialah hak rakyat untuk tidak dijangkiti dan tidak memudaratkan kesihatan mereka. Bagi mengimbangi hak ini, kita kena cari apakah kaedah yang terbaik."

"Memang ada banyak cara cuma saya bangkitkan cabaran yang kami hadapi, kalau mahu buat boleh, mungkin kita perlu duduk berbincang dengan SPR. Kalau dipanggil Pilihan Raya Umum (PRU) pun, akan ada orang positif Covid-19" ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

26,250 kes baharu Covid-19 pada Sabtu

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 26,250 kes baharu Covid-19 pada Sabtu menjadikan jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 3,443,532.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah berkenaan melibatkan 25,705 kes tempatan dan 545 kes import.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 26,073 kes yang dilaporkan atau 99.33 peratus terdiri daripada kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan, manakala sebanyak 177 kes atau 0.67 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima.

"Bagi pecahan daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,652 kes atau 32.96 peratus adalah daripada pesakit Covid-19 kategori satu, sementara 17,421 kes atau 66.37 peratus adalah pesakit kategori dua.

"Bagi kategori tiga, terdapat 70 kes (0.26 peratus), kategori empat dengan 60 kes (0.23 peratus) dan bagi kategori lima adalah sebanyak 47 kes (0.18 pe-

ratus)," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan jumlah keseluruhan 177 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 43 kes dilaporkan tidak divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelarian berkenaan.

"91 kes pula sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi tidak menerima dos penggalak. Sebanyak 43 kes pula sudah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 99 kes melibatkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas, 77 kes lagi mempunyai komorbid dan dua melibatkan kes ibu mengandung.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak dua kluster baharu direkodkan pada Sabtu menjadikan jumlah keseluruhan kluster aktif sebanyak 395.

"Sebanyak 367 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) de-



DR NOOR HISHAM

ngan 169 daripadanya disahkan Covid-19, manakala kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan pula adalah sebanyak 198," katanya.

Ujarnya, bagi kes memerlukan bantuan pernafasan pula, sebanyak 211 kes dilaporkan dengan 100 kes disahkan Covid-19 dan 111 lagi kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, negara merekodkan sebanyak 25,089 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif kepada 3,443,532 kes setakat ini.

Dalam masa sama, enanti negeri mencatatkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus bagi katil kes-kritikal atau ICU dengan Putrajaya mendahului sebanyak 167 peratus, Kelantan (69 peratus), Johor (68 peratus), Kuala Lumpur (65 peratus), Selangor (58 peratus) dan Perak (53 peratus).

PICKids dijangka capai 50 peratus

KKM rayu ibu bapa segera vaksin anak sebelum sekolah dibuka

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan peratusan jumlah kanak-kanak yang divaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) mencapai 50 peratus sebelum sekolah dibuka minggu depan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ketika ini hanya 32 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun menerima vaksin Covid-19, namun berlaku sedikit peningkatan.

"Jangan ambil sikap 'tunggu

dan lihat' sekolah akan dibuka seminggu lagi, jadi saya merayu kepada ibu bapa untuk segera mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 untuk anak-anak sebagai langkah perlindungan.

"Tujuan vaksin adalah sebagai perlindungan daripada kesan gejala buruk Covid-19, mengelakkan menggunakan bantuan pernafasan dan meninggal dunia. Kesan sampingan untuk kanak-kanak jauh lebih rendah daripada orang dewasa," katanya pada sidang akhbar selepas Program Komuniti sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 di Pasar raya Mydin Senawang, di sini pada Ahad.

Pada Sabtu, KKM dalam hantaran melalui laman Facebook memaklumkan sejak Februari hingga kini, kadar memasukkan pesakit kanak-kanak meningkat sebanyak 94 peratus untuk semua kategori tiga hingga lima, dengan peningkatan ketara bagi kategori empat, iaitu se-



Khairy (kanan) pada sidang akhbar selepas Program Komuniti sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 di Pasar raya Mydin Senawang di Seremban pada Ahad.

banyak 200 peratus, diikuti kategori lima sebanyak 125 peratus.

Dalam perkembangan berlainan, Khairy berkata, lebih kurang lima juta rakyat Malaysia yang layak membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma menerusi program Skim Peduli

Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) tidak memanfaatkan program tersebut.

"Di peringkat nasional setakat ini hanya 561,000 individu yang layak telah membuat saringan kesihatan sejak program PeKa B40 bermula Februari lalu.

"Jumlah yang layak membuat saringan adalah lebih lima juta orang, jadi kita lihat ramai yang tidak memanfaatkan program PeKa B40 ini walaupun ia percuma.

"Melalui PeKa B40, individu yang layak perlu datang ke klinik kesihatan. Mungkin ramai yang 'malas' datang ke klinik, oleh itu Kementerian berhasrat untuk turun ke lapangan termasuk kawasan kampung dan pedalaman," katanya.

Khairy berkata, program itu menyasarkan pemeriksaan kesihatan penyakit tidak berjangkit secara percuma kepada ketua keluarga dan pasangan daripada golongan berpendapatan rendah berusia 40 tahun ke atas yang juga penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).

Beliau berkata, berikutan sambutan yang kurang menggalakkan menerusi program PeKa B40, KKM berhasrat menjadikan bulan Julai sebagai bulan pemeriksaan kesihatan Malaysia.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION / NEWS

INFECTIVITY RATE

NATIONAL RT DROPS BELOW 1.0

Sarawak records highest Rt at 1.29, followed by Kuala Lumpur at 1.14 and Terengganu at 1.13

TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA is recording a low Covid-19 infectivity rate as it progresses to an endemic phase next month.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the national infectivity rate (Rt) was at 0.99 on Saturday — the first time it had dropped below 1.0 since Jan 18.

Dr Noor Hisham said Sarawak had the highest Rt at 1.29 on Saturday, followed by Kuala Lumpur at 1.14 and Terengganu at 1.13.

Four states with a Rt below 1.0 were Perlis at 0.99, followed by Kelantan at 0.97, Labuan at 0.80 and Sabah at 0.70.

The Rt in other states were between 1.0 and 1.07.

Dr Noor Hisham also said 99.33 per cent of the 26,250 new cases reported on Saturday were in Categories 1 and 2 while 177 were in Categories 3, 4 and 5.

Nevertheless, 1,868 Covid-19 patients were admitted to hospitals on the same day with 753 (40 per cent) of them in Categories 3, 4 and 5.

The intensive care unit (ICU) bed usage for Covid-19 patients in Putrajaya was at 167 per cent, Kelantan at 69 per cent, Johor at 68 per cent, Kuala Lumpur at 65 per cent, Selangor at 58 per cent and Perak at 53 per cent.

Dr Noor Hisham added that normal hospital bed use in Selangor had exceeded 100 per cent at 109 per cent.

On a related note, more than half of the country's Covid-19 fatalities involve senior citizens, as the Health Ministry recorded 19,250, or 57.4 per cent, of deaths involving the elderly between March 19, 2020, and March 9, 2022.

He added that about 10 per cent of the cases in the country comprised those aged 60 and above for the same period.

From Jan 25, 2020, to March 3 this year, 39.4 per cent of the high-risk group clusters were old



A senior citizen getting a Covid-19 booster shot in Bukit Jalil last month. FILE PIC

folk's home clusters, which was higher than other high-risk groups such as children care centres and dialysis centres.

However, up to last Wednesday, Dr Noor Hisham said 91.9 per cent of the senior citizen population, or 3,355,784 people, had completed two doses of the Covid-19 vaccines.

After the booster programme was rolled out on Oct 16 last year, 73.6 per cent of the senior citizens or 2,472,576 had received their shots.

He said up to Thursday, 100 per

cent of the 19,646 old folk's homes residents and 10,173 caretakers from both registered and unregistered institutions had received two doses of Covid-19 vaccines.

Meanwhile, the country reported another 77 Covid-19 deaths on Saturday, including 23 brought-in-dead cases, pushing the toll to 33,720.

Penang registered the highest daily deaths on Saturday, where 12 people died of Covid-19. It is followed by Selangor and Kelantan with 11 deaths each, nine in

Kedah, eight in Johor, seven in Perak, four each in Perlis and Terengganu, three each in Negri Sembilan and Kuala Lumpur, two in Sabah, and one each in Melaka, Pahang and Sarawak.

Twenty-six people in Malaysia died of Covid-19 per million population in the past two weeks. The current fatality rate is at 0.3 per cent.

On Covid-19 clusters, Dr Noor Hisham said two new ones were detected on Saturday, bringing the total to 6,875 nationwide, with 395 still active.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS / NATION

VULNERABLE GROUP

'LET PAEDIATRICIANS VAX KIDS'

Expert: Parents more comfortable having someone they trust inoculate their children

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

PAEDIATRICIANS in public and private facilities should be allowed to administer Covid-19 jabs to children.

This is because parents are more comfortable having their children vaccinated in a familiar environment by someone they know and trust.

An expert said paediatricians are also well-versed in communicating to parents the safety and importance of getting their children vaccinated against Covid-19.

This, he said, would help tackle vaccine hesitancy and boost the immunisation rate in a vulnerable group: children aged 5 to 11.

Consultant paediatrician and paediatric cardiologist Datuk Dr Zulkifli Ismail said the number of and accessibility to Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids) offsite vaccination centres could be expanded.

"Many of my patients are requesting that their paediatricians give the vaccine to their kids."

